



سوروهنجاہی فرساعیغن برونئی دارالسلام  
COMPETITION COMMISSION  
BRUNEI DARUSSALAM

## PRESS RELEASE COMPETITION COMMISSION BRUNEI DARUSSALAM

### MMS Receives Briefing on Competition Act, Chapter 253

---

Date: 08 March 2024

4. The Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD) had delivered a briefing on the Competition Act, on the invitation of the Muara Maritime Services Sdn Bhd (“MMS”) on the 4<sup>th</sup> of March 2024. The objectives of the session are to share the provisions of the legislation with MMS personnel in order to enhance their awareness and understanding of the Act.
2. Participants were briefed about the three key prohibitions of the Competition Act, namely Section 11: Anti-Competitive Agreements, Section 21: Abuse of Dominant Position and Section 23: Anti-Competitive Mergers.
3. The CCBD, through its Executive Secretariat, explained that the Section 11 prohibition on Anti-Competitive Agreements, which proscribes businesses to engage in agreements to fix price, share market, limit supply and rig bids, has been enforced since beginning of January 2020. The prohibition applies to anti-competitive agreements, arrangements, and understandings between businesses regardless of how it was reached, whether expressed or implied, written or oral.
4. The session also shed light on the second key prohibition of the Act, namely Abuse of Dominant Position, pursuant to Section 21 of the Act, which refers to businesses abusing the dominant position it holds in a particular market. A business which holds a significantly large share of a relevant market would be infringing the Competition Act if

it has carried out any of the abusive conducts to drive out competitors in the market. These conducts include imposing predatory pricing, applying dissimilar condition to equivalent purchase, refusal to supply without any objective justifications, and engaging in exclusive dealing. Economic-based assessments will be required to determine the presence of both dominance and abusive conducts in establishing infringement of the second key prohibition.

5. In demonstrating each of the example of abusive conducts done by dominant businesses, the Executive Secretariat of CCBD shared real cases of Abuse of Dominant Position infringements in the region. Among others, participants were enlightened about predatory pricing, which refers to a situation where a dominant business sets prices below its costs, with the intention to drive out other competitors in the market. Another type of abusive conduct is the application of dissimilar conditions to equivalent purchase such as when a dominant business supplies a key input to a downstream market with a poorer quality of service than it provides to its own business competing in the same downstream market.
6. The session provided an explanation of the third key prohibition, which is Anti-Competitive Mergers pursuant to Section 23 of the Act. It was highlighted that mergers in general do not infringe the Competition Act, unless the merged entity reduces or restricts competition in the market. Mergers or anticipated mergers with risks of substantially lessening competition are to be notified to the CCBD for its consideration and decision, once the prohibition and its related provisions have come into force.
7. The CCBD through its Executive Secretariat further emphasised that building a healthy competition culture among businesses in the country, through the enforcement of the Competition Act, contributes to the growth of the private sector, ultimately leading towards achieving Brunei Darussalam's Wawasan 2035's economic goal.
8. The briefing was delivered by Economic Officers at the Executive Secretariat of CCBD, Yang Mulia Dayang Nur Izzawanie binti Haji Zainin and Yang Mulia Awang Muhammad

Ar-Rifa'ie bin Pehin Dato Haji Awang Halbi and was attended by over 200 MMS personnel. Also present during the session were the Head of the Executive Secretariat of CCBD, Yang Mulia Dayang Hajah Rena Azlina binti Dato Paduka Haji Abd Aziz, and the senior management of MMS. The briefing ended with a question-and-answer session, as well as a quiz session, to further strengthen the understanding of the attendees.

9. The CCBD welcomes any queries, request for dialogue or briefing on the Competition Act, which can be directed to the Executive Secretariat of CCBD through email at [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn). For further information, please visit CCBD's website at [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn).

\*\*\*\*\*

### **About the Competition Commission Brunei Darussalam**

The Competition Commission Brunei Darussalam (“CCBD”) is an independent quasi-judicial body that is mandated to promote and sustain a fair competitive process in Brunei Darussalam economic landscape, through the enforcement of Competition Act, for the benefit of businesses and consumers.

*Executive Secretariat of Competition Commission Brunei Darussalam  
Ministry of Finance and Economy*



سوروهنجاي قرسايعن برونبي دارالسلام  
COMPETITION COMMISSION  
BRUNEI DARUSSALAM

## SIARAN MEDIA SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM

### MMS TERIMA TAKLIMAT MENGENAI AKTA PERSAINGAN, PENGGAL 253

---

Date: 08 Mac 2024

1. Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) telah menyampaikan sebuah taklimat mengenai Akta Persaingan di atas jemputan Muara Maritime Services Sdn Bhd (“MMS”) pada 4hb Mac 2024. Objektif taklimat tersebut diadakan adalah untuk memberigakan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta tersebut, serta bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenainya di kalangan pegawai dan kakitangan MMS.
2. Peserta-peserta taklimat telah diterangkan mengenai tiga larangan utama Akta Persaingan, iaitu Bab 11: Perjanjian Anti-Persaingan, Bab 21: Penyalahgunaan Kedudukan Dominan, dan Bab 23: Penggabungan Anti-Persaingan.
3. CCBD, melalui Sekretariat Eksekutifnya, menjelaskan bahawa larangan bab 11 mengenai Perjanjian Anti-Persaingan yang melarang peniaga untuk terlibat dalam perjanjian-perjanjian bagi menetapkan harga, berkongsi pasaran, menghadkan bekalan dan menipu bidaan, telah dikuatkuasakan pada awal bulan Januari tahun 2020. Larangan tersebut dikenakan kepada perjanjian, pengaturan dan persefahaman yang bersifat anti-kompetitif antara peniaga, tanpa mengira bagaimana perjanjian tersebut dicapai, sama ada secara tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan.
4. Sesi tersebut juga memberi penerangan mengenai larangan utama yang kedua iaitu Penyalahgunaan Kedudukan Dominan sepertimana yang diperuntukkan di dalam bab

21, yang merujuk kepada peniaga yang menyalahgunakan kedudukan dominan yang dimilikinya di sesebuah pasaran. Peniaga yang memegang bahagian yang besar dalam pasaran yang berkaitan akan menyalahi Akta Persaingan jika ia didapati melakukan sebarang perlakuan salah guna untuk menyingkirkan pesaing lain di dalam pasaran. Perlakuan tersebut termasuk mengenakan harga pemangsa (*predatory pricing*), menetapkan syarat yang berbeza bagi pembelian yang setara, keengganan untuk membekalkan tanpa sebarang justifikasi, dan juga terlibat dalam urusan eksklusif (*exclusive dealing*). Penilaian berasaskan ekonomi akan diperlukan bagi menentukan adanya kedudukan dominan dan juga perlakuan salah guna dalam membuktikan adanya pelanggaran larangan utama kedua.

5. Dalam mendemonstrasikan setiap contoh bagi perlakuan salah guna yang dilakukan oleh peniaga yang dominan, Sekretariat Eksekutif CCBD mengongsikan kes bagi pelanggaran Penyalahgunaan Kedudukan Dominan yang berlaku di rantau ini. Antara lain, peserta telah diberi pencerahan mengenai harga pemangsa, yang mana merujuk kepada peniaga dominan yang menetapkan harga di bawah kosnya, dengan niat untuk menyingkirkan pesaing di dalam pasaran yang sama. Pengenaan syarat yang berbeza untuk pembelian yang setara juga merupakan perlakuan salah guna iaitu seperti perniagaan dominan membekalkan barangan kepada pembeli di dalam sesebuah pasaran hiliran, dengan kualiti perkhidmatan yang lebih rendah berbanding dengan kualiti yang diberikan kepada perniagaan dominan itu sendiri yang juga bersaing di dalam pasaran hiliran yang sama.
6. Sesi taklimat juga memberikan penghuraian mengenai larangan utama ketiga iaitu Penggabungan Anti-Persaingan sepertimana yang diperuntukkan di dalam bab 23. Sesi menekankan bahawa secara amnya, penggabungan antara perniagaan tidak menjadi kesalahan di bawah Akta Persaingan, melainkan penggabungan tersebut mengurangkan atau menyekat persaingan di dalam pasaran. Penggabungan yang telah berlaku atau penggabungan yang dijangkakan untuk berlaku, yang mempunyai risiko untuk mengurangkan persaingan di pasaran dengan ketara hendaklah dimaklumkan kepada CCBD untuk pertimbangan dan keputusan, sebaik sahaja larangan dan peruntukan berkaitan dikuatkuasakan.

7. CCBD melalui Sekretariat Eksekutifnya menekankan bahawa mempromosikan budaya persaingan di kalangan peniaga di negara ini, melalui penguatkuasaan Akta Persaingan, dapat menyumbang kepada pertumbuhan sektor swasta, dan akhirnya menjurus ke arah pencapaian matlamat ekonomi Wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam.
8. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pegawai-pegawai Ekonomi, Sekretariat Eksekutif CCBD, Yang Mulia Dayang Nur Izzawanie binti Haji Zainin dan Yang Mulia Awang Muhammad Ar-Rifa'ie bin Pehin Dato Haji Awang Halbi kepada lebih 200 orang kakitangan MMS. Turut hadir pada sesi tersebut ialah Ketua Sekretariat Eksekutif CCBD, Yang Mulia Dayang Hajah Rena Azlina binti Dato Paduka Haji Abd Aziz dan pihak pengurusan kanan MMS. Sesi taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab serta kuiz bagi mengukuhkan lagi kefahaman kakitangan yang hadir.
9. CCBD mengalu-alukan sebarang pertanyaan, permintaan untuk dialog atau taklimat mengenai Akta Persaingan untuk ditujukan kepada Sekretariat Eksekutif CCBD melalui e-mel di [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn). Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang CCBD di [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) atau hubungi 2383100.

\*\*\*\*\*

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam**

Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (“CCBD”) merupakan badan separa-kehakiman bebas yang dimandatkan untuk mempromosikan dan mengekalkan proses persaingan yang sihat di landskap ekonomi Brunei Darussalam, melalui penguatkuasaan Akta Persaingan, untuk manfaat peniaga dan pengguna.

*Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*